

Penyampai : DATO' SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KEJURURAWATAN, SEKOLAH KEJURURAWATAN,  
SUBANG JAYA MEDICAL CENTRE  
Lokasi : HOTEL SHERATON SUBANG, SUBANG JAYA  
Tarikh : 22-02-2001

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Subang Jaya Medical Centre (SJMC) kerana mengundang saya untuk merasmikan upacara penyampaian diploma yang julung kali diadakan kepada graduan- graduan Kolej Kejururawatan SJMC.

2. Kehadiran dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian pada hari ini membuktikan bahawa upacara ini amat bermakna bukan hanya kepada para graduan tetapi juga kepada ibu bapa mereka, Kolej Kejururawatan dan SJMC amnya.

3. Kepada para graduan semua, saya mengucapkan tahniah atas kejayaan anda. Sesungguhnya anda telah menceburi satu profesion yang sangat mulia dan di sanjung tinggi. Tamatnya kursus anda di kolej ini bukanlah tanda noktah bagi pengajian kejururawatan. Anda akan mempelajari dan mendalami lebih banyak lagi ilmu kejururawatan sebaik sahaja anda melangkah ke dunia kejururawatan di luar kolej ini sama ada di SJMC atau lain-lain hospital. Di dalam dunia yang serba moden dan canggih dengan perkembangan teknologi perkhidmatan kesihatan, profesion yang anda ceburi ini adalah amat mencabar dan diperlukan sama ada di sektor- sektor awam atau swasta, di dalam mahupun luar negara.

4. Sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia kian pesat berkembang dan anda pasti akan menempuh berbagai- bagai cabaran. Dengan kecenderungan penggunaan I.T. dan internet masa kini, klien dan keluarga telah terdedah kepada pengetahuan berkaitan dengan kesihatan dan perubatan yang mana, ini akan membantu mereka di dalam membuat keputusan di dalam penjagaan kesihatan mereka. Oleh itu, sebagai jururawat anda perlu menyediakan diri mengikut tren teknologi perubatan terkini bagi mencapai harapan klien yang semakin meningkat. Masa kini jururawat bukan sahaja menfokuskan kepada penjagaan klien semata-mata tetapi juga kepada keluarga keseluruhannya, dan saya yakin anda telah bersedia menghadapi cabaran ini. Di samping kompetan dalam mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan teknologi, anda juga perlu prihatin kepada nilai-nilai sosial dan naluri kemanusiaan. Etika kejururawatan perlulah dikekalkan pada setiap masa.

5. Tidak dinafikan bahawa bidang kejururawatan telah mengharumkan nama Malaysia di mata dunia kerana kebolehan para jururawat kita berkhidmat dengan berbagai-bagai kumpulan etnik dan keupayaan mereka berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan cemerlangnya. Ini terbukti apabila ramai jururawat terlatih kita yang telah diterima untuk berkhidmat di Britain, Timur Tengah, Australia dan Singapura. Tetapi ini telah mengakibatkan kekosongan di dalam profesion kejururawatan kita. Di sini, saya ingin mengingatkan kepada para graduan semua, yang mereka memikul tanggungjawab untuk berkhidmat kepada organisasi dan negara.

6. Di sini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para ibu bapa kerana memberi sokongan kepada para graduan di dalam kerjaya kejururawatan mereka. Saya yakin kejayaan para graduan hari ini adalah hasil dari dorongan anda. Ibu bapa patut berbangga dengan kejayaan mereka.

7. Perkembangan yang pesat di dalam industri penjagaan kesihatan di Malaysia telah meningkatkan keperluan tenaga kerja jururawat terlatih. Hak setiap warganegara di dalam mendapatkan perawatan yang cemerlang juga tidak boleh dikompromikan kerana kekurangan tenaga kerja ini. Oleh itu, lebih ramai jururawat diperlukan. Tugas untuk melatih jururawat pula tidak boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada sektor awam semata-mata. Sektor awam dan swasta perlulah bersama-sama berganding bahu untuk memajukan industri penjagaan kesihatan di Malaysia. Dengan itu usaha SJMC dan institusi swasta yang lain di dalam melatih jururawat mereka sendiri amatlah dihargai dan dialu-alukan.

8. Industri penjagaan kesihatan di Malaysia sedang aktif memperkenalkan 'health tourism' dan saya rasa para jururawat boleh memainkan peranan yang aktif melalui pengetahuan terkini di samping penjagaan

perawatan yang cemerlang.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan, ibu bapa serta staf kolej kejururawatan SJMC di atas pencapaian mereka pada hari ini. Kejayaan anda adalah kejayaan negara.